

26/05/1999

Mengambil iktibar daripada sejarah bangsa kita

Wan Hazmir Bakar

"NEGARA Kita, Tanggungjawab Kita", tema hari kebangsaan semusim lalu kini menjadi ungkapan keramat bagi meniup semangat patriotik rakyat, sebaris dengan laungan 'Merdeka' oleh Bapa Kemerdekaan negara hampir 42 tahun lalu. Kebelakangan ini kedengaran pula pekikan 'reformasi' segelintir rakyat yang menggelar diri mereka pejuang keadilan.

Bagi pemerintah, krisis ekonomi yang membelenggu negara sejak hampir dua tahun lalu dan memusnahkan hampir segala kemakmuran yang diusahakan selama ini dilihat sebagai angkara terbaru kuasa asing untuk menjajah semula negara.

Justeru, setiap rakyat perlu diajak menyertai barisan menahan badai serangan kapitalis baru itu. Kedaulatan negara perlu dipertahankan walau apa pun pengorbanan yang terpaksa dilakukan. Kita tidak rela lagi tunduk kepada telunjuk kuasa asing dan membiarkan mereka mencorak masa depan negara dan rakyat. Perjuangan mengisi kemerdekaan masih belum selesai.

Niat kuasa Barat untuk terus mengekalkan hegemoni politik dan ekonomi yang dicapai sejak era penjajahan bukan satu rahsia. Kapitalisme yang mereka anuti berkehendakkan wujudnya golongan proletar baru di negara lain.

Matlamat utama kapitalis ialah menguasai kekayaan. Apabila ia tidak boleh diperolehi menerusi penjajahan terus, sistem politik dan ekonomi dunia dirangka untuk membolehkan matlamat sama dicapai menerusi cara yang halus.

Mereka terus menguasai modal, bebas menentukan ke mana arah pengalirannya. Mata wang dijadikan komoditi, didagangkan untuk keuntungan atas angin. Nilai tukaran mata wang dimanipulasi, bukan didasarkan kepada kekukuhan asas ekonomi sesuatu negara.

Inilah yang sering diperkatakan pemimpin negara terutama Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Menurut Perdana Menteri, ekonomi Malaysia dan negara lain di rantau ini memang diserang. Krisis ekonomi di Asia Timur menyedarkan ramai pihak yang mula yakin bahawa sistem yang ada sekarang bukan saja banyak kelemahannya, malah boleh menggugat kesejahteraan dunia.

Namun, hujah ini ditolak segelintir rakyat sebagai alasan lapok pemerintah untuk menutup kelemahan serta penyelewengan dalam pengurusan ekonomi negara. Menurut mereka, krisis ekonomi yang dihadapi negara sekarang adalah hasil amalan kronisme dan nepotisme.

Kata mereka, jika kapitalis asing dijadikan asas penghujahan, 'kapitalis tempatan' apa kurangnya. Golongan inilah yang sebenarnya membolot kekayaan negara menerusi pelbagai projek mega dan penswastaan yang mencurigakan.

Mengapa rakyat perlu percaya retorik jingoisme pemerintah sedangkan pihak asing lebih prihatin dan simpati dengan tuntutan perjuangan mereka. Sekurang-kurangnya rintihan mereka mendapat tempat di media asing untuk dihebahkan ke seluruh dunia.

Internet yang wujud hasil ilham Jabatan Pertahanan Amerika Syarikat (Pentagon) yang sudah semestinya dibayangi muslihat tertentu dijadikan halaman perutusan maya perjuangan mereka. Media tempatan 'difatwakan' mereka sebagai penyebar fitnah. Menerusi Internet, pelbagai maklumat yang kesahihannya boleh dipertikaikan disebar sebagai bukti kemungkaran pemerintah negara di laman kelolaan Web Masters yang terus berselindung di sebalik tabir siber.

Hati dan perasaan rakyat terus dibakar untuk bersama dalam apa yang dikatakan perjuangan menuntut keadilan sosial, politik dan ekonomi. Rakyat

digesa bangun menentang ketidakadilan dengan menjatuhkan kerajaan.

Namun apa yang asalnya dikatakan perjuangan dalam arena politik diheret ke medan jalanan. Demonstrasi dilakukan di tempat awam bagi menyatakan kemarahan terhadap pemimpin, kerajaan dan sistem pemerintahan. Sifat dan adab bangsa bertamadun dipinggirkan. Kata nista dihumbarkan tanpa segan silu dan pertempuran dengan polis dijadikan kebanggaan.

Tidak cukup dengan itu, sokongan asing pula dipinta. Negara dan pemimpin sendiri dimomok di forum antarabangsa dengan alasan itulah satu-satunya cara menentang regim diktator. Apakah ini yang dikatakan patriotisme?

Mereka mungkin meraih simpati sebahagian masyarakat dunia tetapi pada masa yang sama mereka mungkin sedang dipersendakan pihak tertentu kerana mudahnya dijadikan budak suruhan dalam percaturan kuasa. Pemikiran mereka sudah dijajah semula.

Simpati kuasa asing bukan sesuatu yang kita dambakan kerana lebih banyak mudarat daripada manfaat. Apakah yang boleh diharapkan selain daripada tekanan politik dan sekatan ekonomi yang akhirnya akan menjatuhkan martabat negara dan membawa kesengsaraan kepada rakyat.

Lihatlah apa yang tercatat dalam lembaran sejarah. Kuasa asing mendakwa simpati dengan nasib rakyat Palestin tetapi dibiarkan menjadi mangsa keganasan rejim Israel, mengaku simpati dengan penderitaan rakyat Iraq, tetapi terus dijadikan mangsa sekatan ekonomi dan pengeboman, mengaku simpati dengan penderitaan rakyat Kosovo tetapi dibiarkan menjadi mangsa kekejaman puak Serb.

Hakikatnya, kesejahteraan kita bukan matlamat mereka tetapi kekayaan negara menjadi buruan. Rakyat rantau ini dianggap golongan proletar yang diperintah diktator yang mengekalkan kuasa dengan memastikan tiada yang kelaparan.

Justeru, untuk menghancurkan kestabilan ini rakyat diperlakukan supaya mereka merasai kelaparan. Untuk itu, ekonomi disabotaj dengan menjatuhkan nilai mata wang. Satu demi satu entiti perniagaan musnah, mengakibatkan ramai hilang punca pendapatan. Negara pula terpaksa berhutang dengan badan kewangan antarabangsa untuk menyambung apa jua sisa ekonomi yang tinggal. Syarat ketat yang tidak adil terpaksa dipatuhi, sekali gus membuka seluas-luasnya kekayaan negara kepada penguasaan asing.

Kehidupan rakyat makin terhimpit dan akhirnya kelaparan menguasai pertimbangan mereka. Mereka mudah percaya dengan pelbagai khabar yang ditiupkan pihak tertentu sehingga sanggup bangkit memberontak mengikut paluan gendang penghasut. Kerajaan yang ada bukan saja perlu menghadapi krisis ekonomi, tetapi juga krisis politik. Inilah yang berlaku di Indonesia.

Di Malaysia, kita lebih bernasib baik kerana masih boleh menangkis dan menahan hampir segala serangan. Kita tidak tunduk kepada telunjuk kuasa asing. Kita menangani krisis ekonomi dengan cara kita sendiri, cara yang pada mulanya dikritik hebat tetapi kini mula mendapat pengiktirafan. Rakyat mungkin tidak semewah dulu, tapi kita tidak melarat.

Justeru, biarpun berbeza pandangan, kita tidak harus hilang pertimbangan sehingga sanggup menghunus keris sesama sendiri. Kita perlu mengambil iktibar daripada sejarah bangsa kita yang pernah menguasai Nusantara suatu masa dulu. Janganlah diulangi kesalahan lalu atau terus menjadi pengikut setia Pak Kaduk. Tanah air sendiri jangan sekali-kali digadaikan.

(END)